

PROGRAM ARTIS DI SEKOLAH CENDANA SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

S: Apakah Program Artis Di Sekolah CENDANA?

J: Program Artis Di Sekolah (AISP) bertujuan untuk meningkatkan Pendidikan Seni di kalangan pelajar Sekolah Rendah Awam untuk menghargai Seni dan Budaya Malaysia. Program ini merupakan inisiatif CENDANA dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Ia bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan pemahaman tentang konsep dan teknik penghasilan seni, keupayaan untuk menganalisis penghasilan seni dan memahami bagaimana karya seni dibentuk, meningkatkan kemahiran pemikiran yang kreatif serta mengasah kemahiran penilaian. Dengan harapan ianya dapat membina keyakinan kepada para pelajar dalam memberi pendedahan dengan berkesan dalam mengaspirasikan diri mereka sama ada melalui muzik, tarian atau seni visual.

S: Siapa yang boleh memohon ?

J: Para artis:

- Warganegara Malaysia atau Penduduk Tetap;
- Mereka yang terlibat secara kritikal dalam pembangunan seni persembahan, seni visual dan muzik bebas.
- Berpusat sekitar Lembah Klang dan/ atau Sabah atau yang menjalankan kesenian mereka sekitar Lembah Klang dan/ atau Sabah;

S: Mengapa program ini tidak ditawarkan di kawasan lain di Malaysia?

J: Sebagai permulaan, kami sedang melaksanakan program ini disekitar Lembah Klang dan Sabah. Bergantung kepada sumber masa depan, CENDANA akan memperluaskan program ini di kawasan-kawasan lain di Malaysia.

S: Berapa lamakah kita perlu menunggu sebelum kita diberitahu jika kita terpilih?

J: Sekolah-sekolah yang terpilih akan dimaklumkan melalui e-mel pengesahan sebelum/ pada **17 Oktober 2019** .

S: Siapakah yang bakal memilih para artis?

J: Permohonan akan dinilai oleh Panel Penasihat Industri (IAP) CENDANA dan dipilih melalui sistem pemarkahan yang amat teliti.

S: Bolehkah kami memohon Program-program Pembiayaan CENDANA yang lain jika kami terpilih untuk AISP?

J: Ya, boleh. Penbiayaan sebanyak RM8,000 adalah untuk sekolah dan bukan untuk artis.

S: Bagaimanakah artis yang terpilih bakal menerima bayaran untuk kursus sepuluh (10) jam tersebut?

J: CENDANA akan menguruskan dana yang diperuntukkan kepada sekolah-sekolah yang dipilih. Jika pihak sekolah yang terpilih memilih untuk menjalankan kursus anda, CENDANA akan membayar yuran kursus kepada anda (artis).

S: Adakah artis terpilih perlu menandatangani perjanjian pembiayaan dengan CENDANA?

J: Ya, artis yang telah dipilih oleh pihak sekolah perlu menandatangani perjanjian dengan CENDANA kerana kami perlu memantau dan mengawasi proses kemajuan kursus yang bakal dilaksanakan.

S: Siapakah yang akan menetapkan masa atau jadual untuk kursus-kursus tersebut?

J: Artis-artis yang dipilih perlu menyelaraskan masa dan jadual untuk kursus mereka Bersama pihak sekolah.

S: Adakah kursus ini termasuk di dalam kurikulum Pendidikan Seni yang rasmi ?

J: Tidak, kursus seni artis yang dipilih akan dikelaskan sebagai aktiviti kokurikulum dan bukan sebahagian daripada kurikulum yang rasmi.

S: Berapakah bilangan pelajar di dalam setiap kelas?

A: Ini bergantung kepada sekolah, kerana beberapa sekolah B40 mempunyai serendah 10 atau 20 pelajar. Tetapi bilangan pelajar setiap kelas tidak boleh melebihi 40 orang.

S: Bagaimanakah cara untuk saya merangka/ kurate kursus seni ini?

A: Sila rujuk kepada templat yang diberikan di Sistem Pengurusan Geran di atas talian, bimbingan tentang perkara-perkara yang perlu, ada diterangkan di dalam templat yang disediakan.

S: Adakah saya perlu menentukan matlamat yang saya harapkan untuk dicapai dari kursus yang dikendalikan?

J: Ya, ini akan membantu guru sekolah menyelaraskannya dengan keperluan sukatan pelajaran mereka dan melihat bagaimana ianya dapat menambah nilai kepada pengajaran dan pembelajaran semasa mereka di dalam bilik darjah.

S: Adakah perlu untuk mengadakan pameran / prestasi akhir untuk pelajar mempersembahkan apa yang mereka pelajari?

J: Ya, ia adalah satu keperluan supaya penilaian terhadap keberkesanan dari kursus seni tersebut dapat dibuat

S: Sekolah yang terlibat akan menerima pembiayaan maksima sebanyak RM8,000 setiap sekolah, adakah ini bermakna bahawa artis perlu menetapkan bajet sebanyak RM8,000 untuk kursus sepuluh (10) jam tersebut?

J: Ia bergantung pada keperluan kursus sepuluh (10) jam anda. Secara amnya, sekolah akan pilih 1-3 kursus seni untuk memaksimumkan pembiayaan RM8000 yang disediakan. Jika kursus itu berharga RM8,000, maka peluang untuk kursus anda dipilih oleh sekolah mungkin lebih rendah.

S: Jika yuran kursus dicadangkan melebihi RM8000, adakah sekolah akan membayar baki untuk yuran kursus tersebut?

J: Sila ambil perhatian bahawa sekolah-sekolah yang bakal dipilih adalah sekolah-sekolah B40, mereka mungkin tidak mempunyai dana untuk membayar yuran yang berlebihan, maka sila buat anggaran yang munasabah untuk kursus anda.

S: Bolehkah saya bawa pembantu tutor bersama untuk membantu saya mengajar kursus Seni tersebut?

J: Ya, anda boleh dan anda juga boleh memasukkan kos pembantu tutor di dalam anggaran perbelanjaan untuk kursus ini. Tetapi artis adalah digalakkan untuk menggunakan bantuan dari guru-guru sekolah untuk bekerjasama mengajar dimana mungkin.